

06/03/2001

Usah pertikai ketelusan ahli IPF pilih masa depan

Ravichandar Ramasamy

PELBAGAI ramalan dibuat oleh ramai pemerhati politik mengenai masa depan dan kedudukan Barisan Progresif India (IPF) di bawah payung Barisan Nasional (BN). Bermacam-macam persoalan dibangkitkan mengenai kedudukan IPF sama ada presiden parti, Datuk MG Pandithan, akan menerima pelawaan MIC dan Parti Progresif Rakyat (PPP) demi menjamin nasib dan masa depan ahlinya. Di sini Pandithan terpaksa menerima satu tugas yang mencabar untuk berbuat demikian walaupun ramai pemimpin BN dari Umno, MCA dan Gerakan juga pernah menyatakan adalah baik IPF menyertai MIC daripada tidak dapat menganggotai BN.

Mereka berpendapat masyarakat India boleh menikmati faedah secara holistik menerusi perjuangan MIC. Tetapi, Pandithan tidak membuat keputusan secara terburu-buru menyertai MIC atau PPP ataupun membubarkan parti untuk membuka peluang kepada ahlinya menyertai dalam mana-mana parti yang mereka minati.

Oleh itu, Pandithan meminta ahli-ahlinya untuk membuat pilihan bagi menentukan masa depan partinya. Berikut ini ramai ahli IPF melahirkan rasa sangsi terhadap pelawaan itu. Apakah pelawaan ini satu helah untuk menamat atau menguburkan riwayat IPF yang mewakili kelas bawahan dalam arena politik masyarakat India?

Apakah pelantikan Datuk M Kayveas sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan kerajaan Tempatan akan memberi tamparan kepada MIC untuk meneruskan perjuangan ahlinya sebagai satu parti tunggal bagi masyarakat India di negara ini? Atau apakah dilema ini mungkin akan menarik lebih ramai orang India menyertai PPP atau IPF? Atau adakah penerimaan IPF dalam kerajaan BN boleh menggugat masa depan MIC?

Persoalan ini lenyap selepas keputusan yang dibuat 2,950 perwakilan yang mewakili 100 bahagian IPF dari seluruh negara yang hadir pada perhimpunan Agung sehari IPF sehari di PWTC yang memutuskan IPF kekal dalam perjuangan mereka. Di sini semua pemimpin parti politik harus menerima keputusan mereka dengan rasional dan jangan melemparkan fitnah atau tohmahan bahawa Pandithan melakukan drama yang sungguh dramatik. Pandithan sudah memberi pilihan kepada perwakilan sendiri untuk menentukan hala tuju parti itu secara demokratik. Keputusan ahli IPF jelas menunjukkan mereka sudah matang memilih masa depan parti daripada memikirkan membubarkan parti? Mereka bukan lagi mahu dianggap sebagai golongan yang cuma layak membawa sepanduk, bendera parti dan mempromosikan uniform merah-hitam dalam mana-mana perhimpunan. Mereka sudah matang dalam memikirkan masa depan generasi mereka dalam alaf baru ini.

Oleh itu, MIC tidak seharusnya mempertikaikan ketelusan ahli IPF yang memilih masa depan parti. Apa yang perlu ialah MIC memperkemaskan corak perjuangan parti bagi menarik lebih ramai ahli yang boleh menyertai parti itu. Bukan melahirkan rasa kurang senang melihat kepesatan perkembangan parti politik India seperti IPF dan PPP. MIC tidak akan rugi sekiranya IPF tidak diterima masuk dalam BN. Pengekalan IPF sebagai parti politik India juga boleh menambah lagi penyokong BN. Malah, ini akan menguntungkan lagi BN daripada kehilangan penyokong atau beralih kepada pembangkang.

Pandithan juga berasa puas hati dengan keputusan yang dibuat melalui undi sulit itu dan berjanji akan terus memperjuangkan nasib ahlinya di seluruh negara yang didakwanya mewakili masyarakat India golongan kelas bawahan.

Begitu juga dengan parti PPP, pada satu masa dulu ramai pemerhati

politik mempertikaikan masa depan PPP. Malah, ramai ahli PPP sendiri juga berasakan masa depan parti mereka akan tergugat. Ada juga beberapa pihak mempertikaikan kredibiliti Kayveas memimpin PPP ketika berdepan dengan beberapa masalah parti? Bagaimanapun, segala desas-desus ini menjadi lenyap selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melantik presiden PPP sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Masyarakat India tidak harus mempertikaikan mana-mana parti yang mewakili mereka asalkan BN terus menjadi pilihan.